

PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DALAM  
PERKHIDMATAN KE ARAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL  
PENSYARAH POLITEKNIK

NURUL HUDA BINTI MOHAMD SALEH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



\*3000002103184\*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS\***

**JUDUL: PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DALAM  
PERKHIDMATAN KE ARAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL  
PENSYARAH POLITEKNIK**

**SESI PENGAJIAN: 2006/2007**

Saya **NURUL HUDA BINTI MOHAMD SALEH (820519-10-5380)**  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (~~Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah~~)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( √ )


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

**JALAN ANGGERIK,**  
**KAMPUNG BUKIT KUCHING,**  
**45800 KUALA SELANGOR.**

Tarikh: **25 APRIL 2007**



(TANDATANGAN PENYELIA)

**HAJI ASHARI BIN SIKOR**

Nama Penyelia

Tarikh: **25 APRIL 2007**

**CATATAN:**

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

**“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.**

**Tandatangan**

**Nama Penyelia**

**Tarikh**

:

:

:

.....

**HAI ASHARI BIN SIKOR**

**25 APRIL 2007**



PTT ANU THM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KE  
ARAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL PENSYARAH POLITEKNIK**

**NURUL HUDA BINTI MOHAMD SALEH**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



**Tandatangan** : ..... *Nurul Huda* .....  
**Nama Penulis** : NURUL HUDA MOHAMD SALEH  
**Tarikh** : 25 APRIL 2007

PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN KOTUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia projek kajian ini iaitu Tn. Haji Ashari bin Sikor di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan. Tanpa bimbingan yang diberikan, tidak mungkin kajian ini akan berjaya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung yang turut memberikan panduan, pandangan serta tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan dan merealisasikan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat dihargai.

Kepada kaum keluarga terutama ayahanda dan bonda, adinda-adinda serta tunang tersayang, terima kasih di atas segala pengorbanan dan pengertian yang diberikan serta dorongan yang menguatkan semangat untuk terus berusaha tanpa putus asa. Akhir sekali ribuan terima kasih buat teman-teman di atas pandangan, pendapat, dorongan, tunjuk ajar, nasihat serta sokongan moral yang telah diberikan sepanjang usaha saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua.

Insyallah. Sekian.

## ABSTRAK

Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) merupakan sebuah program pembangunan profesional yang dilaksanakan untuk meningkatkan profesionalisme kakitangan sesebuah organisasi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan program Latihan Dalam Perkhidmatan ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Kajian ini memfokuskan kepada semua pensyarah politeknik yang berkhidmat di negeri Selangor. Sampel kajian terdiri daripada 188 pensyarah dan dilakukan secara kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik dan temu bual. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 12.0. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan keputusan kajian. Dapatan kajian mendapati melalui program LDP, pensyarah dapat membangunkan profesionalisme dari aspek pengetahuan adalah pada tahap kecenderungan min yang sangat tinggi manakala dari aspek kemahiran dan nilai murni adalah pada tahap kecenderungan min yang tinggi. Secara keseluruhan hasil Ujian-T tidak bersandar menunjukkan tiada perbezaan min yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah teknikal dengan pensyarah bukan teknikal, pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dengan pensyarah Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan pensyarah lelaki dengan pensyarah perempuan. Maklumat daripada kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak politeknik dan pensyarah dalam usaha mereka membangunkan profesionalisme keguruan.



## ABSTRACT

The In-Service Training Programme (INSET) is a programme that implemented to improve staff professionalism in an organization. The main objective for this study is to identify the compliance of INSET towards the professional development for lecturers in knowledges, skills, and moral values. The study is focusing on polytechnic lecturers in Selangor. Involving 188 lecturers and the study is runned by interviewing and questionnaire. All the important data was analyzed by Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 12.0. Descriptive Statistic and Inference Statistic are used to interpret the result. Result from the study shows that, from the INSET programme the lecturer will be able to develop their professionalism in terms of knowledges into higher mean tendency. In the other hand, skills and moral values are also having a high tendency of min. Overall, T-Test shows that there is no significant difference in mean between the professionalism development of technical lecturers and non-technical lecturers, between Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) lecturers and Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) lecturers, and between male lecturers and female lecturers. However, the analysis from each and every aspect shows that there were mean differences between professionalism development of PSA lecturers and PSIS lecturers in terms of knowledges. Hopefully, all the information of this study are beneficial to all polytechnics and their lecturers in order to develop teaching professionalism.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>



**PTA UTHIM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **I PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Soalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kerangka Konsep Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	16
1.10	Skop Kajian	16
1.11	Batasan Kajian	17
1.12	Definisi Istilah	18



## **II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Program Latihan Dalam Perkhidmatan	21
2.3	Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan	24
2.4	Aspek Pengetahuan	25
	2.4.1 Mata Pelajaran Khusus	25
	2.4.2 Teknologi Maklumat	27
	2.4.3 Pengetahuan Ikhtisas	29
2.5	Aspek Kemahiran	32
	2.5.1 Kemahiran Berfikir	33
	2.5.2 Kemahiran Teknikal	34
	2.5.3 Kemahiran Sosial	37

2.6	Aspek Nilai Murni	40
2.6.1	Berdikari	41
2.6.2	Keadilan	42
2.6.3	Rasional	43
2.7	Profesionalisme	44
2.8	Pembangunan Profesional	45
2.8	Kajian Berkaitan	47
2.9	Rumusan	49

### III

### METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	51
3.4	Tempat Kajian	52
3.5	Alat Kajian	53
3.5.1	Struktur Borang Soal Selidik	54
3.5.2	Struktur Temu Bual	56
3.5.3	Penilaian Alat Kajian	57
3.6	Kajian Rintis	58
3.7	Pemboleh Ubah Kajian	59
3.8	Kerangka Operasi	61
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	62
3.10	Tatacara Penganalisan Data	63
3.11	Rumusan	64



## IV

## ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	65
4.2	Pengumpulan Soal Selidik	66
4.3	Prosedur Analisis Data	68
4.4	Kebolehpercayaan Kajian	69
4.5	Dapatan Kajian	70
4.6	Statistik Deskriptif	71
4.6.1	Analisis Maklumat Demografi	72
4.6.2	Program LDP dalam Meningkatkan Pengetahuan Pensyarah	79
4.6.3	Program LDP dalam Meningkatkan Kemahiran Pensyarah	83
4.6.4	Program LDP dalam Meningkatkan Nilai Murni Pensyarah	88
4.7	Statistik Inferens	92
4.7.1	Peningkatan Tahap Profesionalisme Antara Pensyarah Teknikal dengan Pensyarah Bukan Teknikal	92
4.7.2	Peningkatan Tahap Profesionalisme Antara Pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan Pensyarah Politeknik Sultan Idris Shah	97
4.7.3	Peningkatan Tahap Profesionalisme Antara Pensyarah Lelaki dengan Pensyarah Perempuan	104
4.8	Data Temu Bual	108
4.9	Rumusan	110



## v

**PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

<b>5.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>111</b>
<b>5.2</b>	<b>Perbincangan dan Kesimpulan</b>	<b>112</b>
<b>5.2.1</b>	<b>Pembangunan Profesional</b>	<b>112</b>
	Pensyarah dari Aspek Pengetahuan	
<b>5.2.2</b>	<b>Pembangunan Profesional</b>	<b>117</b>
	Pensyarah dari Aspek Kemahiran	
<b>5.2.3</b>	<b>Pembangunan Profesional</b>	<b>122</b>
	Pensyarah dari Aspek Nilai Murni	
<b>5.2.4</b>	<b>Peningkatan Tahap Profesionalisme</b>	<b>126</b>
	Pensyarah dari Aspek Demografi	
<b>5.3</b>	<b>Cadangan</b>	<b>132</b>
<b>5.3.1</b>	<b>Cadangan bagi Meningkatkan</b>	<b>132</b>
	Pelaksanaan Program LDP ke Arah	
	Pembangunan Profesional Pensyarah	
	Politeknik.	
<b>5.3.2</b>	<b>Cadangan Kajian Lanjutan.</b>	<b>133</b>
<b>5.4</b>	<b>Penutup</b>	<b>134</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>135</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>144</b>



## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Mata Pelajaran Khusus Mengikut Bidang	26
3.1	Populasi dan Sampel Kajian.	52
3.2	Jabatan-jabatan di Politeknik	53
3.3	Aspek-aspek dan Soalan dalam Borang Soal Selidik Mengikut Persoalan Kajian kepada Pensyarah.	55
3.4	Skala <i>Likert</i>	55
3.5	Jadual Min Skor untuk Tafsiran	63
3.6	Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian	64
4.1	Log Pengedaran dan Pengumpulan Borang Soal Selidik	67
4.2	Bilangan Soal Selidik yang Diedarkan dan Dikumpulkan.	68
4.3	Tahap Kecenderungan Min.	69
4.4	Taburan Responden Mengikut Jantina.	72
4.5	Taburan Responden Mengikut Jawatan.	73
4.6	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan.	74
4.7	Taburan Responden Mengikut Aspek LDP yang Sangat Ingin Diikuti.	76
4.8	Taburan Responden Mengikut Ke kerap an Menghadiri LDP.	77
4.9	Taburan Responden Mengikut Politeknik	78
4.10	Jadual Analisis Ke kerap an, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan bagi Item Peningkatan Pengetahuan Melalui Program LDP.	80

4.11	Jadual Analisis Kekekapan, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan bagi Item Peningkatan Kemahiran Melalui Program LDP.	84
4.12	Jadual Analisis Kekekapan, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan bagi Item Peningkatan Nilai Murni Melalui Program LDP.	89
4.13	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Aspek Profesionalisme (Bidang).	93
4.14	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Aspek dalam Profesionalisme (Bidang).	94
4.15	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Pengetahuan (Bidang).	95
4.16	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Kemahiran (Bidang).	96
4.17	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Nilai Murni (Bidang).	97
4.18	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Aspek Profesionalisme (Politeknik).	99
4.19	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Aspek dalam Profesionalisme (Politeknik).	100
4.20	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Pengetahuan (Politeknik).	101
4.21	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Kemahiran (Politeknik).	102
4.22	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Nilai Murni (Politeknik).	103
4.23	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Aspek Profesionalisme (Jantina).	105
4.24	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Aspek dalam Profesionalisme (Jantina).	105
4.25	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Pengetahuan (Jantina).	106
4.26	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Kemahiran (Jantina).	107



<b>4.27</b>	<b>Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Setiap Item dalam Aspek Nilai Murni (Jantina).</b>	<b>108</b>
<b>4.28</b>	<b>Ringkasan Data Temu Bual</b>	<b>109</b>
<b>4.29</b>	<b>Rumusan Ujian Hipotesis.</b>	<b>111</b>



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian.	13
1.2	Perincian Kerangka Konsep Kajian.	15
2.1	Kitaran Latihan Dalam Perkhidmatan	22
3.1	Carta Alir Operasi Kajian.	61
4.1	Carta Taburan Responden Mengikut Jantina.	73
4.2	Carta Taburan Responden Mengikut Jawatan	74
4.3	Carta Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	75
4.4	Carta Taburan Responden Mengikut Aspek LDP yang Sangat Ingin Diikuti	76
4.5	Carta Taburan Responden Mengikut Ke kerap an Menghadiri LDP	77
4.6	Carta Taburan Responden Mengikut Politeknik.	78
4.7	Graf Analisis Min Bagi Item Peningkatan Pengetahuan Melalui Program LDP	82
4.8	Graf Analisis Min Bagi Item Peningkatan Kemahiran Melalui Program LDP	87
4.9	Graf Analisis Min Bagi Item Peningkatan Nilai Murni Melalui Program LDP	91

## SENARAI SINGKATAN

ABBM	–	Alat Bahan Bantu Mengajar
BLK	–	Bahagian Latihan dan Kerjaya
CET	–	<i>Ceremony Education Technology</i>
CIPP	–	<i>Context, Input, Process and Product</i>
CPCM	–	<i>Career Path Competency Modul</i>
ICT	–	<i>Information and Communication Technology</i>
INSET	–	<i>In Service Training</i>
IPT	–	Institut Pengajian Tinggi
ISO	–	<i>International Standard Organization</i>
IT	–	<i>Infomation Technology</i>
KBSM	–	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	–	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPTM	–	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KSS	–	Kursus Secara Sambilan
KUiTTHO	–	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
LCD	–	<i>Liquid Crystal Display</i>
LDP	–	Latihan Dalam Perkhidmatan
OHP	–	<i>Over Head Projector</i>
P&P	–	Pengajaran dan Pembelajaran
PDP	–	Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
POLIMAS	–	Politeknik Sultan Muadzam Shah
PPPBS	–	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah
PPPS	–	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
PPS	–	Program Perkembangan Staf
PPSMTI	–	Program Peningkatan Sains Matematik dan Teknologi Dalam Bahasa Inggeris

PSA	–	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
PSIS	–	Politeknik Sultan Idris Shah
PTV	–	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SEDU	–	<i>Science Education Unit</i>
SOT	–	<i>Strategic Operational Target</i>
SPP	–	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
SPSS	–	<i>Statistical For Social Sciences</i>
TEEP	–	<i>Third Elementary Education Project</i>
TSP	–	<i>Time Sector Privatization</i>
ULPL	–	Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
UNESCO	–	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UTHM	–	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Kebenaran Menjalankan Kajian dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	144
B	Kebenaran Menjalankan Kajian dari Kementerian Pengajian Tinggi	146
C	Soal Selidik Kajian	149
D	Soalan Temu Bual Kajian	152
E	Senarai Pakar Rujuk Bagi Kesahan Soal Selidik	155
F	Kebolehpercayaan Kajian Rintis	162
G	Perancangan Projek Sarjana	167
H	Pengesahan Menjalankan Kajian dari Politeknik	169
I	Kebolehpercayaan Kajian	176
J	Maklumat Demografi Responden	181
K	Program LDP dalam Meningkatkan Pengetahuan Pensyarah	182
L	Program LDP dalam Meningkatkan Kemahiran Pensyarah	185
M	Program LDP dalam Meningkatkan Nilai Murni Pensyarah	187
N	Perbezaan Min Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Teknikal dengan Pensyarah Bukan Teknikal	190
O	Perbezaan Min Setiap Aspek Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Teknikal dengan Pensyarah Bukan Teknikal	191

<b>P</b>	<b>Perbezaan Min Setiap Item Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Teknikal dengan Pensyarah Bukan Teknikal</b>	<b>193</b>
<b>Q</b>	<b>Perbezaan Min Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah PSA dengan Pensyarah PSIS</b>	<b>199</b>
<b>R</b>	<b>Perbezaan Min Setiap Aspek Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah PSA dengan Pensyarah PSIS</b>	<b>200</b>
<b>S</b>	<b>Perbezaan Min Setiap Item Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah PSA dengan Pensyarah PSIS</b>	<b>202</b>
<b>T</b>	<b>Perbezaan Min Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Lelaki Dengan Pensyarah Perempuan</b>	<b>208</b>
<b>U</b>	<b>Perbezaan Min Setiap Aspek Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Lelaki dengan Pensyarah Perempuan</b>	<b>209</b>
<b>V</b>	<b>Perbezaan Min Setiap Item Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah Lelaki dengan Pensyarah Perempuan</b>	<b>210</b>
<b>W</b>	<b>Data Temu Bual</b>	<b>216</b>

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan negara telah mencapai kemajuan yang pesat semenjak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini terbukti dengan pelbagai perancangan dan usaha yang mapan untuk mengangkat martabat pendidikan negara seperti pelaksanaan sekolah bestari dan penambahan institut pengajian tinggi awam dan swasta. Di sebalik kejayaan yang dikecap dalam bidang pendidikan, kita harus sedar bahawa guru adalah insan yang paling berperanan penting bagi memastikan dasar dan agenda kerajaan terlaksana dengan jayanya. Guru yang berketerampilan adalah modal insan yang sangat diperlukan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Ini adalah kerana dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan (Abdullah, 2006). Justeru peranan guru sebagai perancang dan pelaksana harus sentiasa bersedia dan berusaha untuk melengkapkan diri dari segala sudut bagi merealisasikan strategi yang telah dirancang.

Seorang guru yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengajarannya dan sentiasa mementingkan kejayaan dan kebajikan pelajarannya dikatakan mempunyai keprofesionalan yang tinggi. Dengan kata lain, guru itu melihat perguruan dan tugasnya bukan semata-mata sebagai satu pekerjaan tetapi sebagai satu profesion (Omar Hashim, 1993). Ini bermaksud seseorang guru harus berusaha mencari ruang dan peluang untuk mempertingkatkan dan membangunkan profesionalisme mereka.

Sehubungan dengan itu, terdapat sebuah program yang dirancang khas bagi meningkatkan kualiti latihan dan pendidikan terhadap guru iaitu program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap para guru ke arah pembangunan profesional perguruan. Tujuan ini selaras dengan pendapat Allan (1998), Keshaba (1998), Rezina (1998), Rochman (1998) dan Yoshinori (1998) yang menyatakan bahawa program LDP dapat meningkatkan tahap profesional guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap seperti mengemas kini pengetahuan isi kandungan, memperbaiki kemahiran instruksi kepimpinan, kemahiran pengurusan, kemahiran sosial dan kecekapan profesional.

Bagi merealisasikan matlamat program ini, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) dengan kerjasama Universiti Griffith, Australia telah melaksanakan projek *Innovation In Teacher Education Through Environmental Education And Education For Sustainable Development* bertujuan untuk mengembangkan amalan inovatif dalam program pendidikan guru di Asia Pasifik dengan memperkenalkan guru kepada kemahiran merancang kurikulum, metodologi pengajaran dan pendidikan lanjutan di masa akan datang (*International Bureau of Education*, 1995).



Malahan di Nepal, program LDP dianggap sebagai satu fungsi bagi Kementerian Pendidikan. Latihan ini disediakan oleh *Science Education Development Unit* (SEDU) untuk guru dan pihak pengurusan sekolah. Kursus selama empat minggu telah dijalankan bagi lima subjek teras antaranya ialah Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Program LDP bertujuan untuk mengemas kini pengetahuan isi kandungan dan kompetensi pengajaran guru. Selain itu, terdapat tiga aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan profesional guru yang dilaksanakan oleh persatuan guru iaitu latihan Bahasa Inggeris, latihan kepimpinan dalam pengurusan sekolah dan bengkel, seminar serta forum untuk mengenal pasti pelbagai isu pendidikan terkini (Keshaba, 1998).

Manakala di Filipina, Kementerian Pendidikan telah menjalankan *Third Elementary Education Project* (TEEP) yang mempunyai 13 komponen dan salah satu komponen tersebut ialah Latihan Dalam Perkhidmatan. Tujuan komponen ini adalah untuk memberikan latihan kepada 5000 guru bagi memperbaiki kemahiran pengurusan kelas dan kemahiran mengajar serta memperbaiki kemahiran instruksi kepimpinan bagi 2000 pengetua sekolah dan pegawai pendidikan daerah (Allan, 1998).

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan program latihan guru memberi manfaat yang sebenar, pihak pengurusan perlu menyediakan kurikulum yang memenuhi kehendak dan keperluan para guru. Oleh itu, di Indonesia kurikulum bagi program latihan guru mengandungi tiga komponen utama iaitu pengetahuan am, pendidikan subjek pengkhususan dan pedagogi. Keseluruhan program bertujuan untuk menyediakan guru dengan kecekapan profesional, personal dan sosial. Selain itu, kerajaan telah melancarkan program latihan kelayakan dalam perkhidmatan bagi menawarkan peluang kepada guru untuk mendapat kelayakan penuh pensiswazahan (Rochman, 1998).

Di samping itu, Yoshinori (1998) menyatakan bahawa program LDP sangat penting pada guru untuk menunjukkan tanggungjawab profesional mereka. Oleh itu, di Jepun terdapat dua peringkat program LDP iaitu peringkat kebangsaan dan peringkat daerah yang diuruskan oleh pengawas (*prefectural*). Di peringkat kebangsaan, setiap tahun Kementerian Pendidikan, Sains, Sukan dan Budaya akan mengadakan bengkel secara berpusat untuk pengetua, penolong pengetua dan guru penyelarasa mata pelajaran khusus. Pensyarah dari universiti akan disediakan oleh pihak kementerian untuk memberikan seminar mengenai pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kurikulum dan instruksi. Pada tahun 1991, 800 pengetua telah menyertai bengkel ini selama empat minggu manakala seramai 1000 orang guru juga telah menyertai bengkel tersebut selama enam minggu. Di peringkat daerah pula, Lembaga Pendidikan Daerah bertanggungjawab merancang dan menyediakan program LDP kepada guru di daerah masing-masing. Lembaga Pendidikan Daerah memainkan peranan penting menghantar guru-guru ini ke universiti, institut penyelidikan, firma swasta dan institusi lain untuk menjalani latihan jangka masa panjang. Latihan ini bertujuan untuk memperbaiki kecekapan profesional dan perwatakan sosial mereka.

Pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemas kini perkhidmatan melalui *Strategic Operational Target* (SOT) dan telah menetapkan sasaran pada tahun 2000, setiap guru di Malaysia akan menjalani program LDP sekurang-kurangnya sekali dalam setahun supaya pengetahuan pedagogi dan kemahiran dapat dikemas kini. Bermula pada Oktober 1997, sekumpulan guru yang terdiri daripada 20 peserta telah dihantar ke Universiti Wales, United Kingdom untuk mengikuti kursus mengenai keberkesanan program LDP. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mereka bentuk dan menilai program LDP. Pada tahun 1998, LDP difokuskan kepada tiga perkara iaitu latihan untuk pelatih dan guru sekolah bestari, teknologi maklumat dan pengajaran untuk subjek kritikal (Ahmad, 1998).

Walau bagaimanapun dalam konteks pengajian tinggi, program LDP dirancang dan dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi atau pihak luar yang menyediakan program berkaitan pembangunan profesional pensyarah. Sebagai contoh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mempunyai Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) yang berperanan menyediakan program LDP kepada staf akademik. Visi PDP adalah beriltizam membangun dan memantapkan profesionalisme staf akademik ke arah kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran. Manakala misi PDP pula adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan program pembangunan staf yang berkesan (Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UTHM, 2007).

Di samping itu, politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) juga mempunyai organisasi yang menyediakan program LDP kepada staf akademik iaitu Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Visi ULPL adalah melahirkan staf yang berpengetahuan, berkemahiran dan keterampilan tinggi melalui pendidikan dan latihan yang diiktiraf antarabangsa. Manakala misi ULPL adalah meningkatkan profesionalisme staf politeknik melalui latihan yang berkualiti sama ada di dalam negeri ataupun di luar negara. Program Perkembangan Staf (PPS) yang dianjurkan oleh ULPL bermatlamat memberi peluang kepada staf meningkatkan kemahiran atau kepakaran serta pengetahuan mereka. Hal ini juga bersesuaian dengan kehendak pekeliling perkhidmatan bil. 6 tahun 2005 di mana setiap kakitangan kerajaan hendaklah menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun (Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Johor Baharu, 2005).

Secara amnya program LDP adalah penting untuk guru di semua peringkat pengajian tidak kira di peringkat rendah, menengah atau tinggi. Pembangunan profesional guru bergantung pada sebanyak mana penyertaan mereka di dalam latihan-latihan yang dianjurkan kerana latihan ini dapat menambahkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam diri mereka.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Guru perlu belajar untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran seiring dengan perkembangan semasa supaya kaedah dan isi pengajaran yang disampaikan tidak ditakuk lama. Norlia (2006) menyatakan bahawa program pendidikan guru yang bermutu seharusnya mampu menghasilkan guru yang bermutu iaitu profesional dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan dan sikap. Sehubungan dengan itu, dalam konteks Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), guru atau pensyarah perlu menguasai kemahiran teori dan amali dengan sebaik-baiknya. Selain itu, pensyarah juga perlu menguasai ilmu pengetahuan dan mempunyai nilai murni yang tinggi sebagai keperluan untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Ini disokong oleh P.Y.Boon (2005) yang menyatakan bahawa guru harus menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini untuk menjalankan tugas mereka.

Selain itu, Maclean (1998) menyatakan bahawa perkara asas dalam kualiti sistem pendidikan adalah bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman guru. Namun begitu, statistik oleh UNESCO menunjukkan bahawa suku daripada 50 juta guru di dunia tidak mempunyai kelayakan pendidikan formal dan suku yang lain menerima latihan yang tidak sempurna (*International Bureau of Education*, 1995). Justeru program LDP adalah satu cara untuk memperbaiki tahap profesional perguruan kerana menurut Esah (2004), guru perlu menghadiri kursus atau mencari sendiri ilmu supaya tidak ketinggalan. Guru bertindak sebagai penyebar ilmu dan juga nadi utama menggerakkan kurikulum yang telah dirancang. Menurut Salleh (2002) faktor utama yang menjadi penentu kepada penyebaran kurikulum ialah ideologi atau pengetahuan penyebar iaitu guru. Ini bermaksud bahawa guru perlu menguasai sesuatu ilmu sebelum menyampaikannya kepada murid.

Di samping itu, kemahiran boleh diperoleh melalui pelbagai cara seperti pembacaan ilmiah, menghadiri latihan ataupun mengemas kini kelayakan guru (Farmer dan Campbell, 1997). Ini adalah kerana guru memerlukan kemahiran tertentu untuk membantu pelajar belajar dengan berkesan (Rezina, 1998). Oleh yang demikian, guru perlu mempunyai kemahiran mengajar dan bukan sekadar mengetahui sesuatu ilmu tanpa berkongsi ilmu tersebut. Selain itu, kaedah penyampaian yang berkesan memerlukan teknik pengajaran yang pelbagai. Justeru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran supaya ilmu dapat disampaikan dengan berkesan adalah dengan melengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang akan meningkatkan keupayaan mereka untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk belajar (Fullan dan Hargreaves, 1992).

Satu hakikat yang perlu disedari bahawa pendidikan tidak bersifat tetap dan beku tetapi bersifat dinamik dan sentiasa berubah. Oleh itu, perubahan kurikulum tidak boleh diperkenalkan tanpa latihan dan kelayakan baru yang diberikan kepada guru (Somers dan Sikorova, 2002). Di samping itu, matlamat pendidikan berterusan guru menurut "*Gardner Project*" ialah untuk menambahkan kebolehan dan kemahiran, meluaskan pengetahuan mata pelajaran, menggalakkan pembelajaran seumur hidup dan meningkatkan kelayakan mereka (Liyang, Suzhen dan Hong, 2003). Oleh yang demikian, program LDP sangat penting untuk mengekalkan profesionalisme keguruan kerana ia memperbaiki dan menambahkan kapasiti seseorang guru untuk menjadi lebih profesional terhadap profesionnya.

Pengetahuan, kemahiran dan nilai murni adalah tiga aspek yang mengangkat martabat profesion perguruan. Ia juga menjadi indikator kepada peningkatan dan kemerosotan profesionalisme guru. Justeru apabila pengetahuan, kemahiran dan nilai murni tidak ditingkatkan maka profesion perguruan menjadi suram dan seterusnya menjejaskan pencapaian pelajar dan juga institusi pendidikan. Sekolah yang berjaya menggambarkan warganya yang cemerlang. Kecemerlangan guru bertitik tolak dari latihan yang diterima dan pengamalannya dalam setiap aktiviti yang dianjurkan di sekolah. Justeru program LDP sangat penting untuk memastikan profesionalisme guru kian bertambah dari hari ke hari.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pensyarah berperanan sebagai '*front line*' dalam pembaikan kualiti pendidikan teknik dan vokasional. Namun kebanyakan pensyarah yang mengajar masih tidak mempunyai kompetensi yang sesuai dalam disiplin vokasional seperti kurang kemahiran praktikal dan pengalaman industri. Selain itu, kebanyakan mereka masih lagi ketinggalan dalam kompetensi pengajaran. Oleh disebabkan itu maka kerajaan telah mewujudkan sistem Latihan Dalam Perkhidmatan untuk pensyarah-pensyarah pendidikan teknik dan vokasional untuk mempertingkatkan kompetensi sekaligus membangunkan profesionalisme mereka (Masriam Bukit, 2006).

Permasalahan di atas jelas menunjukkan bahawa kompetensi adalah aspek yang sangat penting dalam bidang pendidikan. Sama ada sedar atau tidak para pensyarah yang berperanan sebagai guru di politeknik masih mengalami kekurangan beberapa kompetensi yang harus ada untuk menggambarkan keprofesionalan mereka. Justeru tidak dapat dinafikan bahawa saluran yang terbaik untuk membangunkan profesionalisme pensyarah adalah dengan mengikuti program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Permasalahan mengenai peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang menjadi aspek utama dalam membangunkan profesionalisme pensyarah sering menjadi tanda tanya. Apakah dengan menyertai program yang sedemikian para pensyarah boleh mengamalkan atau mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang diperolehi semasa latihan? Atau sekadar memenuhi ruang dan peluang yang diberikan oleh politeknik untuk memenuhi syarat sebagai seorang pensyarah. Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, satu kajian dibuat bagi mengenal pasti masalah-masalah yang timbul mengenai pelaksanaan program LDP ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni di kalangan pensyarah di politeknik Malaysia.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan program Latihan Dalam Perkhidmatan ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti perbezaan peningkatan tahap profesionalisme pensyarah yang diperoleh setelah menjalani program LDP dari aspek demografi mereka.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Terdapat empat objektif kajian yang menjadi panduan kepada penyelidikan ini. Setiap satunya menjurus kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan. Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti pelaksanaan program Latihan Dalam Perkhidmatan ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek pengetahuan.
- (ii) Mengenal pasti pelaksanaan program Latihan Dalam Perkhidmatan ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek kemahiran.
- (iii) Mengenal pasti pelaksanaan program Latihan Dalam Perkhidmatan ke arah pembangunan profesional pensyarah dari aspek nilai murni.
- (iv) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme pensyarah dari aspek demografi.

## 1.6 Soalan Kajian

Kajian ini mempunyai enam persoalan kajian yang perlu dikaji yang merujuk kepada objektif kajian. Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- (i) Sejauh manakah program latihan dalam perkhidmatan dapat meningkatkan pengetahuan pensyarah?
- (ii) Sejauh manakah program latihan dalam perkhidmatan dapat meningkatkan kemahiran pensyarah?
- (iii) Sejauh manakah program latihan dalam perkhidmatan dapat meningkatkan nilai murni diri pensyarah?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah teknikal dengan pensyarah bukan teknikal?
- (v) Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan pensyarah di Politeknik Sultan Idris Shah?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah lelaki dengan pensyarah perempuan?



## 1.7 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian yang melibatkan analisis inferensi, hipotesis kajian telah dibentuk dan dinyatakan dengan jelas agar pengkaji dapat membuat keputusan sama ada menerima ataupun menolak hipotesis kajian.

Bagi persoalan kajian yang keempat, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah teknikal dengan pensyarah bukan teknikal.

$H_a$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah teknikal dengan pensyarah bukan teknikal.

Bagi persoalan kajian yang kelima, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan pensyarah di Politeknik Sultan Idris Shah.

$H_a$ : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan pensyarah di Politeknik Sultan Idris Shah.

Bagi persoalan kajian yang keenam, hipotesis kajian adalah seperti berikut:


H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah lelaki dengan pensyarah perempuan.

H<sub>a</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi peningkatan tahap profesionalisme antara pensyarah lelaki dengan pensyarah perempuan.

## 1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah adaptasi daripada dua model kajian yang telah diubahsuai iaitu model penilaian *Context, Input, Process and Product* (CIPP) yang dihasilkan oleh Stufflebeam (2003) untuk menilai secara sistematik proses pembangunan kurikulum dari pelbagai aspek dan kerangka kajian yang telah dibangunkan dalam Ahmad Sani (2004). Model CIPP adalah suatu kerangka kerja untuk melaksanakan penilaian formatif dan sumatif bagi projek, program, institusi, produk dan sistem. Kerangka kajian Ahmad Sani (2004) menggariskan aspek-aspek dalam latihan yang perlu ada untuk melahirkan pekerja ilmu di kalangan guru-guru teknikal kolej komuniti. Aspek-aspek tersebut ialah ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni.

Lantaran itu, pengkaji telah merangka satu kerangka kajian yang bersesuaian dengan objektif kajian yang mana menggunakan ciri-ciri yang terdapat dalam kedua-dua model dan kerangka tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan program LDP terhadap pembangunan profesional pensyarah. Secara teorinya program latihan ini dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang dihadiri oleh pensyarah yang berkhidmat di politeknik Malaysia dan seterusnya dapat membangunkan profesionalisme pensyarah dari tiga aspek tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1




Sumber: Diubahsuai daripada model CIPP oleh Stufflebeam (2003) dan kerangka kajian oleh Ahmad Sani (2004)

Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

Profesionalisme pensyarah bergantung kepada sejauh mana dan bagaimana mereka ingin meningkatkan aspek-aspek dalam keprofesionalan itu. Pengkaji mendapati aspek-aspek yang merangkumi sifat profesional seseorang pensyarah adalah ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Pencarian, pengamalan dan pengaplikasian aspek-aspek ini menggambarkan sejauh mana tahap profesional seseorang pensyarah. Justeru pensyarah yang profesional haruslah sentiasa menguasai, meningkatkan dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan secara menyeluruh dalam mendidik pelajarannya. Oleh itu, program LDP adalah laluan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk membangunkan profesionalisme pensyarah. Rajah 1.2 menunjukkan secara terperinci tentang kerangka konsep kajian ini yang meliputi ke semua aspek yang boleh dibangunkan melalui program LDP.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 1.2: Perincian Kerangka Konsep Kajian

## 1.9 Kepentingan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menyasarkan hasil kajian akan menjadi maklumat kepada politeknik amnya dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan khususnya untuk menilai kelebihan dan kelemahan pelaksanaan program LDP supaya lebih berkesan dan meningkatkan profesionalisme pensyarah. Selain itu, hasil kajian juga akan menjadi maklumat serta kesedaran kepada pihak pentadbiran politeknik untuk meningkatkan pengetahuan pensyarah, menilai keberkesanan program LDP dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni dan menjadi maklumat bagi membantu pensyarah meningkatkan tahap profesionalisme mereka setelah menghadiri latihan.

### 1.10 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan hanya kepada pensyarah yang berkhidmat di politeknik. Pensyarah yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang pernah mengikuti program LDP sama ada yang dianjurkan oleh politeknik mahupun pihak luar. Kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek yang diperoleh oleh pensyarah setelah menghadiri program LDP iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Ketiga-tiga aspek inilah yang menjadi faktor penyumbang kepada pembangunan profesional pensyarah di politeknik.

## 1.11 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji akan membatasi kajian kepada dua aspek batasan iaitu batasan yang disengajakan dan batasan yang tidak disengajakan.

### (i) Batasan yang Disengajakan

Terdapat beberapa perkara yang sengaja dibatasi oleh pengkaji iaitu dari segi reka bentuk kajian, populasi dan pemboleh ubah yang digunakan. Reka bentuk kajian yang digunakan berbentuk kajian tinjauan dan populasi kajian terdiri daripada semua pensyarah yang berkhidmat di dua buah politeknik negeri Selangor. Seterusnya terdapat tiga aspek yang dibatasi oleh pengkaji dalam mengukur tahap profesionalisme pensyarah iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Bagi aspek pengetahuan pengkaji membatasi kepada tiga jenis pengetahuan sahaja iaitu mata pelajaran khusus, teknologi maklumat dan ikhtisas perguruan. Manakala aspek kemahiran pengkaji membatasi kepada tiga jenis kemahiran iaitu berfikir, teknikal dan sosial. Seterusnya aspek nilai murni, pengkaji hanya membatasi kepada tiga jenis nilai murni iaitu berdikari, keadilan dan rasional.

### (ii) Batasan yang Tidak Disengajakan

Batasan yang tidak disengajakan adalah berdasarkan aspek kefahaman, kejujuran, sikap responden dan pemboleh ubah pengukuran. Faktor kefahaman dan kejujuran mempengaruhi responden semasa memberi maklum balas melalui borang soal selidik. Selain itu, faktor kesan pemboleh ubah yang dibuat juga agak sukar dijangkakan dan dikawal. Penggunaan alat pengukuran berbentuk soal selidik berkemungkinan menyebabkan data yang diperoleh itu tidak bernilai. Ini terjadi apabila responden bertindak memberikan jawapan sambil lewa yang mana memberikan data yang tidak tepat kepada pengkaji.

## 1.12 Definisi Istilah

Berikut merupakan definisi istilah penting yang digunakan dalam kajian ini yang diperjelaskan maksudnya berdasarkan kehendak kajian yang telah dilaksanakan.

### (i) Latihan Dalam Perkhidmatan

Dalam kajian ini, Latihan Dalam Perkhidmatan adalah merupakan latihan dalaman dan luaran yang dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan di politeknik atau mana-mana institusi lain yang menyediakan latihan tersebut. Program ini direka bentuk sama ada untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran atau nilai murni pensyarah.

### (ii) Pensyarah

Pensyarah dirujuk sebagai pendidik atau guru yang menyampaikan pengajaran di institusi pengajian tinggi. Pensyarah dalam konteks kajian ini ialah semua tenaga pengajar di Politeknik Sultan Salahuddin, Shah Alam dan Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam yang telah menghadiri program LDP.

### (iii) Pengetahuan

Dalam konteks kajian ini, pengetahuan dirujuk sebagai pengetahuan mata pelajaran khusus, teknologi maklumat dan ikhtisas. Mata pelajaran khusus adalah mata pelajaran yang diajar berdasarkan kepada bidang pengkhususan pensyarah. Teknologi maklumat merangkumi pengetahuan mengenai aplikasi teknologi maklumat. Manakala pengetahuan ikhtisas merangkumi semua pengetahuan mengenai ilmu pendidikan.



**(iv) Kemahiran**

Kemahiran ialah kebolehan melakukan sesuatu dengan sepenuh kecekapan daripada segi fizikal dan mental individu. Dalam konteks kajian ini kemahiran dirujuk sebagai kemahiran berfikir, kemahiran teknikal dan kemahiran sosial.

**(v) Nilai Murni**

Dalam konteks kajian ini, nilai murni dirujuk sebagai adil, berdikari dan rasional. Adil bermaksud perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah. Berdikari bermaksud kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain. Rasional bermaksud boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa dipengaruhi oleh perasaan.

**(vi) Pembangunan Profesional**

Pembangunan profesional merupakan satu usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran seseorang pensyarah. Dalam konteks kajian ini, usaha tersebut adalah melalui program LDP yang mana dapat membangunkan profesionalisme pensyarah dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni.

**(vii) Tahap profesionalisme**

Tahap profesionalisme adalah tingkat kemampuan atau cara pelaksanaan sesuatu yang dilakukan oleh seorang profesional. Dalam konteks kajian ini, tahap profesionalisme merujuk kepada tingkat pengetahuan, kemahiran dan nilai murni seseorang pensyarah.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini meninjau dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian seperti program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), aspek-aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni, profesionalisme dan pembangunan profesional. Di samping itu, bab ini juga akan membincangkan dapatan-dapatan kajian yang lepas yang mana akan memandu ke arah penghasilan dan pelaksanaan kajian ini.

## 2.2 Program Latihan Dalam Perkhidmatan


Latihan adalah pembangunan sistematik bagi membentuk sikap, ilmu pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang diperlukan oleh individu untuk menjalankan tugas yang diberi dengan sempurna (*Glossary of Training Term*, 1971). Menurut Liying, Suzhen dan Hong (2003), program LDP adalah tulang belakang kepada latihan perguruan yang mana ia adalah pendidikan berterusan yang berbentuk pembangunan profesional selepas pensyarah ditauliahkan dan mengajar di institusi pendidikan. Manakala Ee Ah Meng (2004) menyatakan bahawa program LDP adalah untuk pensyarah yang telah disahkan jawatan dan semasa menjalani latihan mereka mendapat gaji penuh serta beberapa faedah lain.

Menurut Hawley dan Rellec (2002) untuk memperbaiki prestasi pelajar adalah dengan memperbaiki kompetensi pensyarah. Kompetensi yang diperlukan oleh seseorang pensyarah vokasional adalah berkait dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai (Masriam Bukit, 2006). Justeru antara objektif program LDP adalah untuk meningkatkan profesionalisme pensyarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Ini disokong oleh matlamat Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UTHM yang mana misi pusat ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan program pembangunan staf yang berkesan.

Terdapat empat jenis program LDP yang wujud iaitu latihan untuk pensyarah yang tidak bertauliah, latihan untuk meningkatkan pengetahuan pensyarah, latihan untuk menyediakan pendidikan baru dan latihan yang berkaitan dengan perancangan kurikulum (Greenland, 1983). Di China terdapat dua bentuk program LDP iaitu sepenuh masa dan separuh masa (Liao Shuli, 1998). Program latihan sepenuh masa bermaksud pensyarah perlu mengambil cuti mengajar dan menumpukan sepenuh masa untuk menjalani latihan tersebut. Manakala program latihan separuh masa bermaksud pensyarah perlu mengikuti latihan di hujung minggu atau semasa sesi persekolahan berlangsung.

Pang (1999), Joyce (2004) dan P.Y.Boon (2005) bersependapat bahawa program LDP dapat mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang pengkhususan selain dapat mengembangkan potensi diri ke arah pembangunan profesionalisme. Pendapat mereka seiring dengan Masriam Bukit (2006) yang menyatakan bahawa program LDP dapat memperbaiki standard pensyarah teknikal dan memperkukuhkan kompetensi yang ada.

Dalam merancang pelaksanaan program LDP terdapat lima perkara yang sering dibincangkan iaitu sekolah berkesan, model LDP, reka bentuk dan pengurusan LDP, kerjasama dan permentoran sekolah dan kolej serta sistem kepimpinan dalam pendidikan (Ahmad,1998). Perkara yang terpenting untuk mencapai matlamat program LDP ialah reka bentuk dan pengurusan program. Berdasarkan Rajah 2.1 untuk memastikan program LDP dilaksanakan dengan berkesan beberapa langkah harus dilakukan.



Sumber : Diubahsuai daripada "Effective INSET" University of Wales, Cardiff (1997) dalam Ahmad (1998)

**Rajah 2.1: Kitaran Latihan Dalam Perkhidmatan**

Langkah pertama adalah meninjau keperluan latihan yang diperlukan oleh pensyarah dan kemudian mengenal pasti keperluan tersebut. Langkah seterusnya mereka bentuk latihan berdasarkan kepada keperluan yang telah dikenal pasti. Setelah reka bentuk latihan dihasilkan, pelaksanaan latihan dijalankan dan pemantauan dilakukan bagi memastikan latihan berjalan dengan lancar. Selepas

selesai menjalani latihan, para pensyarah seharusnya mengaplikasikan segala pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terkandung di dalam latihan yang dihadiri bagi membolehkan pihak penganjur menilai keberkesanan latihan yang dijalankan. Proses penilaian dilakukan untuk mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan latihan dan keperluan lain yang tidak tercakup di dalam latihan yang dirancang.

Di samping itu, latihan yang dijalankan di politeknik terdiri daripada latihan dalaman dan latihan luaran. Latihan dalaman dikendalikan oleh organisasi dalaman iaitu ULPL dan selalunya dikendalikan oleh ketua jabatan atau pensyarah yang pernah menghadiri kursus. Manakala latihan luaran dikendalikan oleh sektor swasta atau kerajaan yang bekerjasama dengan ULPL dalam menyediakan program untuk pensyarah. Oleh yang demikian, setiap pensyarah yang menghadiri program LDP dapat membangunkan profesionalisme akademik sendiri, menambahkan pengalaman dan pengetahuan baru, membina kematangan semasa proses pengajaran, meyakinkan diri dalam menyatakan pendapat dan melatih diri mengatitkan rencana kerja sendiri (Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UTHM, 2007).

Bahagian Latihan dan Kerjaya (BLK) adalah sebuah organisasi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang berperanan untuk menyediakan latihan dan kursus di peringkat kebangsaan kepada pensyarah politeknik dan kolej komuniti. Antara program yang dijalankan ialah PPSMTI iaitu Program Peningkatan Sains Matematik dan Teknologi dalam Bahasa Inggeris dan program CPCM iaitu *Career Path Competency Modul*. PPSMTI dilaksanakan adalah sebagai satu langkah untuk pensyarah menguasai pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa inggeris menjelang tahun 2008. Ini kerana menjelang tahun 2008 kerajaan berhasrat supaya semua politeknik melaksanakan P&P dalam bahasa inggeris. Manakala CPCM adalah sebuah modul yang dilaksanakan khas sebagai program peningkatan laluan kerjaya kepada staf.

### 2.3 Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan

Dalam sistem pentadbiran politeknik terdapat sebuah unit yang mengurus dan mengendalikan program pembangunan staf sama ada staf akademik atau staf sokongan iaitu Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Fungsi sebenar ULPL hanyalah urus setia yang memastikan perancangan dan pelaksanaan program berjalan dengan baik mengikut perancangan. Pemilihan peserta program adalah bergantung kepada ketua jabatan atau ketua unit berdasarkan kepada keperluan kompetensi seseorang pensyarah. Walau bagaimanapun untuk menghadiri sesuatu kursus pensyarah perlu memiliki kelayakan iaitu telah disahkan jawatan. Kursus yang memerlukan kelayakan ini pada kebiasaannya adalah bagi kursus peringkat luaran.

Antara kursus yang dilaksanakan oleh ULPL adalah kursus seperti kaedah P&P, pengurusan organisasi, Latihan Sangkutan Industri, kursus kemahiran dan kursus yang dipertanggungjawabkan oleh BLK kepada politeknik seperti PPSMTI dan CPCM. Selain itu, terdapat beberapa kursus yang dijalankan khas untuk masyarakat luar seperti pihak swasta yang berkeinginan untuk mempelajari sesuatu kemahiran teknikal dengan menggunakan kemudahan dan kepakaran di politeknik. Kursus-kursus tersebut ialah "*Time Sector Privatization*" (TSP) dan program Kursus Secara Sambilan (KSS).

Unit ini mendapat peruntukkan khas untuk mengurus dan melaksanakan program LDP yang disalurkan oleh politeknik atau pun BLK. Di samping itu, unit ini juga mempunyai peruntukkan lain hasil daripada mengadakan kursus-kursus bagi pihak luar. Pihak syarikat akan membayar kepada ULPL sebagai yuran kursus. Sehubungan itu, ULPL bukan setakat berperanan membangunkan profesionalisme pensyarah malahan berperanan sebagai agen pembangunan kepada masyarakat sekitar politeknik itu sendiri.

## BIBLIOGRAFI

Abd. Rahim Abd. Rashid (2000). "Pendidikan Bertaraf Dunia." dlm. "Wawasan Dan Agenda Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd

Abdul Rahman Abdul Aziz (2000). "Kemahiran Sosial Asas." Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Ahmad Badawi (2006), "Membina Tamadun Menjulangi Martabat Negara". Ucapan Pembentangan Usul Rancangan Malaysia ke-9, Kuala Lumpur.

Ahmad Sani Amran (2004). "Keperluan Latihan di Kalangan Guru-guru Teknikal Dalam Melahirkan K-Workers : Satu Kajian Kes di Kolej Komuniti". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Ahmad Mohamad Said (1998). "Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers : The Malaysian Experience". Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Allan B.I. Bernado (1998). "The Striving and The Struggle for Teacher Development : The Context, Issues, Trends and Opportunities in In-Service Teacher Training in The Philipines". Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Antonius, R. (2003). "Interpreting Quantitative Data with SPSS." London : SAGE Publications.

Arshad Khan (2001). "Bahasa Inggeris Teknikal. Cadangan 3 Waktu Seminggu." Utusan Malaysia. www.utusan.com.my dicapai pada 15 September 2006.

Chouksey, R.G (2006). "Training For The Trainers Towards Continuous Development In Human Resourrces." International Conference On Technical and Vocational Education and Training 2006.

Chua, Yan Piaw (2006). "Kaedah Penyelidikan." Malaysia : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Early.P dan Bubb.S (2004), "Leading And Managing Continuing Professional Development :Developing People, Developing Schools." London : Paul Chapman publishing.

Ee Ah Meng (2004). "Education Studies III: Profesionalis of Teachers." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (2006). "Penilaian Tahap Kecekapan : Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan P&P." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Esah Sulaiman (2004). "Pengenalan Pedagogi." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.



- Fara Nur Asma (2005). "Refleksi Pensyarah Teknikal Terhadap Akauntabiliti Dalam Profesion Perguruan Di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Negeri Melaka." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Farmer, J. dan Campbell, F. (1997) "Information Professionals, CPD And Transferable Skills." *Library Management*, Vol.18, No.3. pp. 129–134 : MCB University Press, ISSN 0143-5124.
- Fickel, L.H. (2002). "Quality Profesional Development: Suggestion About Process And Content." *Educational Forum*, Vol.67, pp 47-54.
- Fullan, M.G. dan Hargreaves, A (1992), "Understanding Teacher Development." New York : Teacher College Press.
- Glossary of Training Terms (1971). "Department of Employment." HMSO Government Publishing Service.
- Greenland, J. (1983). " The In-Service Training of Primary School Teachers in English-speaking Africa: A Report." London : Macmillan.
- Guskey, T. (2000). "Evaluating Professional Development." New York: Corwin Press.
- Hawley, W. and Rellec, D. (2002). "The Keys to Effective Schools." New York : Corwin Press.
- Helsby, G. (1999). "Changing Teachers Work : The Reform of Secondary Schooling." Buckingham : Open University Press.
- International Bureau of Education (1995). "Educational Reform and Educational Research : New Challenges in Linking Research, Information and Decision Making." Geneva : IBE.

Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin dan Abd. Rashid Johar. (2000). "Inovasi dan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran." Selangor : AJM Publishing Enterprise.

Jemaah Nazir Sekolah (2004). "Standard Kualiti Pendidikan Malaysia – Sekolah : Instrumen Pemastian Standard." Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Joyce Tugel (2004). "The Highly Qualified Teacher And Profesional Development". The National Congress On Science Education.  
[www.nsta.org/main/pdfs/2004CongressProf Dev.pdf](http://www.nsta.org/main/pdfs/2004CongressProf Dev.pdf) dicapai pada 15 Ogos 2006

Kamus Dewan (1984). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keshaba Nanda Giri (1998). "Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers in Nepal". Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Laporan Unit Audit Dalaman PSA (2007).

Liao Shuli (1998). "Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers : Country Report, China ". Ensuring Oppotunities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Liyong, Suzhen dan Hong (2003). "Pre-Service and In-Service Teacher Education of Secondary English Language Teachers In China." *TEFL Web Journal*, Vol.2, No.1, 2003.

Loveder, P. (2005). "World Trends in Staff Development: Implications on the Performance of Technical Education Institutions." National Seminar: The

Development of Technology and Technical-Vocational Education and Training in an Era of Globalization on 23–24 August 2005 at Pan Pacific KLIA.

Maclean, R. (1998), "Developments in Teacher Education in Asia and the Pacific: Issues and Prospects Towards the 21st Century." Ensuring Opportunities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Masriam Bukit (2006). "Professionalisation Of The TVET Trainers Towards Continuous Human Resources Development. An Issue For International Cooperation." International Conference Technical and Vocational Education and Training 2006

Megat Ismail (1987). "Motivasi Diri Anda." Kuala Lumpur : Self Motivation Centre.

Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nizam Mat Isa (2002). "Persepsi Pensyarah Tentang Program Perkembangan Staf di POLIMAS". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Mohd Nor Mohamad Taib (2002). "Proses Pembinaan Soal Selidik dan Kajian Pentadbirannya". Siri Kolokum Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO dalam Hasri Hamdan (2003). "Kebolehgunaan Pembelajaran Berbantu Komputer bagi Mata Pelajaran Sistem Elektronik 2 untuk Pelajar Politeknik." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Mohd Salleh Mohd Yasin (2005). "Penjana Wawasan . Siri Syarahan Tahunan Naib Canselor UKM." ISBN 967-942-709-9.

Mok Soon Sang (1996). "Pendidikan di Malaysia." Edisi ke 8. Petaling Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Norasmah, Zamri dan Mohammed Sani (2006). "Kesediaan Profesionalisme Guru Novis." Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norhaziah Hussin (2003). "Kajian Tahap Profesionalisme Keguruan Lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTTHO di Politeknik." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Norlia Md Salleh (2006). "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Guru." Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. 3rd International Conference On Measurement and Evaluation In Education.

Omar Hashim (1993). "Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

P.Y.Boon (2005). "Amalan Reflektif Ke Arah Peningkatan Profesionalisme Diri Guru." *Jurnal IPBA*. Jilid 3(2), pp 102-109.

<http://apps.emoe.gov.my/ipba/ResearchPaper/journal/article11.pdf> dicapai pada 16 Ogos 2006.

Pang, M.S. (1999). "Trends and Issues of Teacher In Service and Pre Service Training in ICT : South Korean Case." [www.cmec.ca/international/forum/itr.korea.en.pdf](http://www.cmec.ca/international/forum/itr.korea.en.pdf) dicapai pada 15 Ogos 2006.

Politeknik Sultan Idris Shah (2007). [www.psb.edu.my](http://www.psb.edu.my) dicapai pada 30 Januari 2007.

Politeknik Kuching (2007). [www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my) dicapai pada 30 Mac 2007.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (2007). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Di alamat <http://www.uthm.edu.my/pdp/> dicapai pada 15 Ogos 2006.

Rezina Sultana (1998). "Profesional Development of Teacher in Bangladesh." Ensuring Oppoturnities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Robiah Sidin (2002). "Konsep Guru Profesional." Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan. Bangi : Fakulti Pendidikan, UKM.

Rohaty Mohd Majzub (2000). "Kepimpinan Profesional dan Akademik Latihan Perguruan Guru Alaf Baru." Prosiding Kepimpinan Profesional dan Akademik dalam Pendidikan Guru Alaf Baru. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.

Rochman Natawijaya (1998). "Ensuring Oppoturnities for the Professional Development of Teachers in Indonesia." Ensuring Oppoturnities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Roscoe, J.T. (1975). "Fundamental Research Statistics For The Behaviorial Sciences." 2nd.ed. New York : Holt, Rinehart and Winston dalam Uma Sekaran (2003). "Research Methods For Business. A Skill Building Approach." 4th.ed. John Wiley & Sons, Inc.

Rosenshine, L.J. (1985). "Artistry In Teaching." New York : Random House.

Rusnani Abdul Kadir (2001). "Kaunseling Pelbagai Budaya." UPM: Fakulti Pengajian Pendidikan.

- Salleh Abd. Rashid (2003). "Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Penganjuran." Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial : Universiti Malaysia Sabah.
- Shulman, L. S. (1986). "Those Who Understand: Knowledge Growth In Teaching." *Educational Researcher*.15(2), 4-14.
- Somers, J. dan Sikorova, E. (2002). "The Effectiveness Of One In-Service Education Of Teachers Course For Influencing Teacher's Practice." *Journal of In-service Education*. Vol.28. No.1, 2002, pp.95-114.
- Stufflebeam.D, L et al. (2003). "The Cipp Model For Evaluation." Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN) .
- Sulaiman Hasan (2005). "The Approaches In Training and Education Of Engineers and Technologists: A Brief Review." Malaysia: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Belum Diterbitkan Lagi.
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (2004). <http://www.spp.jpm.my/temuduga-faktor.php> dicapai pada 10 September 2006.
- Syed Arabi Idid (2002). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ting, Kung Shiung dan Woo, Yoke Ling (2005). "Penggunaan ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT Dan Kekangan / Cabaran Penggunaan ICT." Universiti Teknologi Malaysia : Seminar Pendidikan.
- Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (2006). Politeknik Johor Baharu. <http://www.polijb.edu.my/> dicapai pada 15 Ogos2006.

Vrasidas, C. dan Zembylas, M. (2004). "Online Professional Development: Lessons From The Field." *Education + Training*. Volume 46. No. 6/7. 326 – 334.

Wan Azlinda Wan Mohamed *et al.* (2001). "Persepsi Pelajar Luar Terhadap Penggunaan Komputer dalam Proses Pembelajaran." Malaysia : [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?dt=0108&pg=kk\\_01.htm&sec=Kertas\\_Kerja&y=2002](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?dt=0108&pg=kk_01.htm&sec=Kertas_Kerja&y=2002). dicapai pada 15 Ogos 2006.

Wan Nor Hin Mior Sani (2005). "Implikasi Iso Terhadap Pembangunan Profesional Di Kalangan Pensyarah Kuittho." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Yahya Emat (2005). "Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia". Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.

Yoshinori Tabata (1998). "Country Report Japan." Ensuring Oppoturnities for the Professional Development of Teachers. Innovation and Reform in Teacher Education for the 21st Century in the Asia Pacific Region. Seminar Report, Hiroshima, Japan.

Zulkifli Yusof (2000). "Sukarkah Komunikasi Anda." Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn. Bhd.